

# KENYATAAN MEDIA

## KUALITI KERJA PERUMAHAN MAMPU MILIK DINILAI DENGAN QLASSIC

*CIDB Malaysia tandatangani akujanji bersama KPKT bagi menilai kualiti kerja projek perumahan JPN, SPNB, PR1MA*

**Kuala Lumpur, 21 Mac 2019:** Lembaga Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia menandatangani akujanji bersama **Jabatan Perumahan Negara (JPN), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)** di bawah **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** untuk menilai kualiti dan mutu kerja perumahan mampu milik di Malaysia dengan menggunakan Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan (QLASSIC). Kolaborasi ini amat penting kerana ia merupakan salah satu daripada inisiatif-inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020 ke arah memantapkan lagi kualiti kerja dalam industri pembinaan.

Kolaborasi ini adalah selaras dengan sasaran yang digariskan dalam kajian separuh penggal CITP iaitu 100% projek perumahan mampu milik awam mencapai markah QLASSIC sekurang-kurangnya 65 peratus menjelang tahun 2020. CIDB akan bekerjasama dengan pihak KPKT dari segi penekanan aspek-aspek kualiti untuk menyokong usaha dalam melaksanakan mandat membina sejuta unit kediaman mampu milik dalam tempoh 10 tahun.

Menerusi kerjasama ini, CIDB akan menjalankan penilaian QLASSIC ke atas projek-projek perumahan mampu milik di bawah agensi-agensi tersebut dan KPKT juga akan mewajibkan pemilikan sijil QLASSIC bagi kesemua projek perumahan awam

mahupun swasta, berkuatkuasa pada tahun 2020, ke arah menjadikan kediaman mampu milik awam sinonim dengan kualiti yang tinggi.

“Kerjasama agensi-agensi perumahan mampu milik bersama CIDB merupakan satu acara yang amat bermakna kerana kini KPKT turut memainkan peranan dan menyokong usaha Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi CIDB dalam mempertingkatkan penggunaan QLASSIC bagi memantapkan lagi kualiti dalam sektor pembinaan,” kata **Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya**.

“Dengan kolaborasi ini, aspirasi di bawah CIPM untuk memastikan pembeli mendapat kediaman mampu milik yang berkualiti dan menepati standard yang ditetapkan boleh dilaksanakan. Diharapkan kerjasama ini dapat memberi inspirasi kepada penggiat industri swasta dan juga Kerajaan untuk bersama-sama meneraju kualiti dalam industri pembinaan”, tambahnya lagi.

Kerjasama ini telah dimeterai bersempena dengan acara Hari QLASSIC 2019, disaksikan oleh Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan diiringi oleh Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Fasc., Pengerusi CIDB Malaysia.

Hari QLASSIC 2019 memberikan pengiktirafan kepada 15 pemaju, 17 kontraktor dan 18 arkitek bagi 20 projek yang berjaya mendapat pemarkahan QLASSIC 83 peratus dan ke atas. Selain daripada itu, penghargaan turut diberikan kepada enam projek Kerajaan yang mendapat markah tertinggi iaitu 75 peratus dan ke atas.

Tahun ini, CIDB Malaysia turut meraikan pencapaian pemarkahan QLASSIC yang tertinggi seumpamanya sejak dilaksanakan pada tahun 2007. Seremban Two Holdings Sdn Bhd, mencapai skor QLASSIC tertinggi iaitu 89% bagi projek **Saujana Duta Fasa 1 di Negeri Sembilan**. Manakala, Sime Darby Property Berhad pula membawa pulang anugerah terbanyak, iaitu sebanyak 12 anugerah bagi pembangunan projek perumahan.

Sejak diperkenalkan CIDB pada 2007, pemarkahan QLASSIC meningkat secara konsisten. Oleh itu, CIDB telah menaikkan tahap kelayakan untuk menerima

anugerah pencapaian QCLASSIC kepada 83% daripada 80% bagi memastikan anugerah ini kekal kompetitif dan berprestij.

Hari QCLASSIC telah diperkenalkan pada tahun 2014 oleh CIDB Malaysia untuk memberikan pengiktirafan kepada pemilik serta projek-projek yang berjaya mencapai prestasi tinggi dalam mutu dan kualiti kerja pembinaan bangunan.

QCLASSIC ialah satu sistem dan kaedah mengukur dan menilai kualiti kerja dalam projek pembinaan berdasarkan Construction Industry Standard (CIS 7), dan dilaksana bagi membolehkan perbandingan secara objektif kualiti kerja projek pembinaan melalui sistem pemarkahan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa	<a href="mailto:rakis@cidb.gov.my">rakis@cidb.gov.my</a>	012 – 6200 360
Mansor Ahmad	<a href="mailto:mansor.ahmad@cidb.gov.my">mansor.ahmad@cidb.gov.my</a>	012 – 386 4997

Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

Putri Adlina	<a href="mailto:putri.adlina@nagaddbtribal.com.my">putri.adlina@nagaddbtribal.com.my</a>	013 – 357 9055
Kristine Yap	<a href="mailto:kristine.yap@nagaddbtribal.com.my">kristine.yap@nagaddbtribal.com.my</a>	017 – 333 3637

#####